

Kod Etika

TOI TOI & DIXI GROUP



It's all about people – it's all about us.



Struktur

Kata pengantar oleh pihak pengurusan
Kod etika

- I. Kita mematuhi segala undang-undang, bertindak dengan adil dan dengan penuh hormat dalam urusan Kita dengan pelanggan, pesaing dan juga rakan perniagaan Kita yang lain.
- II. Kita saling menghormati antara satu sama lain di tempat kerja.
- III. Perlindungan alam sekitar, perlindungan kesihatan dan juga keselamatan.
- IV. Tanggungjawab Kita terhadap syarikat dan rakan perniagaan Kita.
- V. Larangan menyogok dan memberi rasuah.
- VI. Persaingan yang adil.
- VII. Kita asingkan kepentingan peribadi dengan kepentingan perniagaan.
- VIII. Kita menangani sesuatu perkara secara terbuka.
- IX. Orang hubungan.

Kata pengantar oleh pihak pengurusan

Kumpulan kita sentiasa berkembang. Pertumbuhan dan perubahan membentuk satu proses yang dinamik, di mana cabaran akan sentiasa menanti kita setiap hari.

Dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan mampan yang berterusan serta menjamin kejayaan berpanjangan dan selamat, matlamat perniagaan yang jelas dan peraturan mengikat adalah amat penting. Oleh yang demikian, kami telah membuat keputusan untuk menetapkan peraturan-peraturan yang jelas dan menuliskannya di dalam Kod Etika ini. Peraturan-peraturan yang terdapat di dalam Kod Etika ini akan membantu kami untuk bertindak secara adil dan bertanggungjawab terhadap rakan sekerja, pelanggan, masyarakat dan juga alam sekitar. Selain itu, ianya juga akan dapat membantu kami untuk mengenal pasti pelanggaran peraturan yang berpotensi akan berlaku pada peringkat awal dan cuba untuk mengelaknya dari permulaan.

Ianya adalah lebih penting dalam kerja seharian kita kerana kita menjaga keperluan asas setiap pelanggan. Bagi memenuhi piawaian yang tertinggi – pelanggan dan kita sendiri – adalah amat penting untuk sentiasa menawarkan perkhidmatan yang cemerlang dan selamat kepada pelanggan serta melakukan tindakan dengan pasti, yakin dan mematuhi segala perundangan dan peraturan dalaman. Kita akan dapat memenangi dan mengekalkan kepercayaan pelanggan serta rakan perniagaan hanya melalui tindakan kita yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, kita semua di dalam Kumpulan disarankan untuk membaca dengan teliti segala peraturan yang terdapat di dalam Kod Etika dan mengamalkannya secara berterusan dalam kerja seharian kita.

Yang ikhlas,



Max Teichner
Chief Executive Officer

Frank Feuerstacke
Chief Operating Officer

Torsten Jagdt
Chief Financial Officer

Dr. Holger Wirtz
Chief Technology Officer

Kod Etika

Kod Etika ini adalah terpakai untuk TOI TOI & DIXI Group GmbH dan sekutunya di Jerman dan juga di luar negara (secara kolektif dikenali sebagai “TOI TOI & DIXI Group”). Ianya berfungsi sebagai dasar yang konsisten untuk urusan perniagaan bagi pihak pengurusan, eksekutif dan juga para pekerja TOI TOI & DIXI Group (dirujuk sebagai pekerja – bagi lelaki dan juga wanita).

Jika di negara-negara tertentu yang mana syarikat-syarikat TOI TOI & DIXI Group adalah aktif dan mempunyai peruntukan perundangan atau peraturan yang menyimpang dari peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Kod Etika, maka peruntukan yang lebih ketat akan diperhatikan.



I.

Kita mematuhi segala undang-undang, bertindak dengan adil dan dengan penuh hormat dalam urusan Kita dengan pelanggan, pesaing dan juga rakan perniagaan Kita yang lain.

Kita beranggapan bahawa Kita perlu mematuhi segala undang-undang, peraturan-peraturan dan juga peraturan dalaman yang berkaitan.

Kita menyedari bahawa jika berlaku pelanggaran undang-undang maka ia boleh menyebabkan pengenaan denda yang berat, pendakwaan, pengecualian tender awam atau swasta, tuntutan ganti rugi dan juga kehilangan imej.


Semua pekerja yang terlibat dalam pemerolehan dan pelaksanaan kontrak kerajaan hendaklah

memahami dan mematuhi segala peraturan dan undang-undang tempatan dan jika terdapat keraguan, anda perlu mendapatkan khidmat nasihat undang-undang. Pihak pengurusan tempatan adalah bertanggungjawab untuk perkara ini.

Bertindak dengan adil dan menghormati pelanggan, pesaing dan juga rakan perniagaan yang lain adalah sangat penting bagi Kita. Itulah sebabnya kita memberi layanan kepada rakan perniagaan dan juga hubungan perniagaan lain kerana kita juga ingin dilayan sedemikian.

S: Adakah kehilangan imej merupakan perkara yang buruk kepada syarikat?

J: Beberapa tahun yang lalu, tajuk berita sebuah akhbar Jerman yang terkenal: "Tandas DIXI sedang kehabisan: Stesen Merianplatz ditutup". Walaupun pesaing bertanggungjawab kerana menyebabkan subway tidak beroperasi beberapa jam, TOI TOI & DIXI juga terpaksa menanggung akibat daripada kejadian tersebut. Seorang peguam bertauliah terpaksa dilantik dan kenyataan balas terhadap akhbar tersebut dibuat. Pihak akhbar telah menarik balik kenyataan palsu tersebut, tetapi tajuk berita yang negatif itu masih terperangkap dalam minda setiap pembaca sehingga kini.



II.

Kita saling menghormati antara satu sama lain di tempat kerja

Kita juga berkelakuan sopan dan adil. Diskriminasi dan gangguan tidak mempunyai tempat bersama kita. Contoh-contoh tingkah laku yang kita tidak terima sama sekali adalah pembulian dan gangguan, seksual yang tidak diingini, pelanggaran lisan, ugutan dan tingkah laku yang menyakitkan seperti keganasan atau ancaman keganasan.

Apa-apa bentuk diskriminasi adalah dilarang. Tiada sesiapa yang boleh menjadi kurang bernasib baik atau diganggu berdasarkan kepada umur beliau, warna, keturunan, kepercayaan agama atau politik, jantina atau orientasi seksual atau apa-apa keadaan yang lain.

Sila mempunyai keberanian untuk secara terbuka menyuarakan tingkah laku tersebut kepada penyelia atau kenalan anda di bahagian sumber manusia. Orang hubungan lain yang anda boleh hubungi pada bila-bila masa boleh didapati dalam Bab VIII.

S: Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan diskriminasi?

J: Diskriminasi adalah apabila seseorang dilayan secara berbeza daripada orang lain kerana fahaman sebenar atau tanggapan mereka terhadap kumpulan atau minoriti yang tertentu.



III.

Perlindungan alam sekitar, perlindungan kesihatan dan juga keselamatan


Keselamatan di tempat kerja dan juga keselamatan bagi perkhidmatan dan produk kita adalah sangat penting.

Bagi memastikan perkara ini, setiap pekerja dalam persekitaran kerjanya adalah bertanggungjawab untuk melindungi orang ramai dan juga alam sekitar. Semua pekerja mestilah sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan dalaman untuk perlindungan alam sekitar, keselamatan fasiliti dan keselamatan pekerjaan serta berusaha untuk memastikan rakan-rakan sekerja juga mematuhi.

Sila berhati-hati dan pastikan bahawa kesihatan anda dan orang lain tidak terancam. Kemalangan mesti dielakkan dan dicegah; Peraturan-peraturan yang berkaitan dengan undang-undang jalan raya dan semua peraturan-peraturan keselamatan mestilah dipatuhi. Impak terhadap alam sekitar mestilah dikurangkan pada tahap minimum dan tidak boleh melebihi tahap yang dibenarkan.

S: Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat kes kemalangan kenderaan?

J: Sila lindungi kawasan kemalangan tersebut: Di kawasan kemalangan, anda perlu memakai pakaian keselamatan dengan segera, meletakkan segitiga amaran, menyediakan kit pertolongan cemas dan jika perlu, sediakan alat pemadam api. Jika berlaku kecederaan pada diri sendiri, sila maklumkan kepada pihak penyelamat dengan segera.



IV.

Tanggungjawab Kita terhadap syarikat dan rakan perniagaan Kita

Kita mengendalikan harta benda syarikat dengan berhati-hati dan melindunginya daripada berlaku kerosakan atau kerugian.

Dibawah pemilikan syarikat, kita memahami berkenaan perkara-perkara seperti peralatan yang disediakan (kenderaan, peralatan pejabat, peralatan IT, dan lain-lain) serta maklumat sulit yang terdapat dalam syarikat seperti rahsia perniagaan dan perdagangan, maklumat pekerja dan juga maklumat pelanggan.

Maklumat sulit mestilah dijaga dan perlu dirahsiakan. Sesiapa sahaja yang menggunakan maklumat sulit tersebut untuk manfaat mereka sendiri atau membolehkan maklumat tersebut diakses oleh orang lain tanpa kebenaran adalah satu kesalahan dan boleh didakwa.

S: Apakah yang perlu saya fahami berkenaan rahsia perniagaan dan perdagangan?

J: Rahsia perdagangan adalah merujuk kepada transaksi komersial (sebagai contoh, maklumat pelanggan dan pesanan, surat-surat perniagaan, dokumen-dokumen kontrak, kunci kira-kira perniagaan, invois pembekal, dokumen-dokumen kos, sumber-sumber bagi bekalan, syarat-syarat, strategi pasaran), rahsia-rahsia perdagangan sehinggalah kepada operasi teknikal (seperti lukisan kejuruteraan, prosedur).

Para pelanggan, pekerja dan pemegang saham Kita yang lain mengharapkan Kita memperlakukan segala maklumat dan maklumat peribadi yang disediakan oleh Kita dengan cara yang konsisten dengan undang-undang yang berkenaan. **Oleh yang demikian, Kita mengumpul, menyimpan atau memproses segala maklumat peribadi hanya jika ianya perlu bagi tujuan yang telah ditetapkan, yang jelas dan yang dibenarkan secara sah.**

Kita amat menyokong terhadap keselamatan data dan pemrosesan yang dilakukan mengikut langkah-langkah teknikal dan organisasi yang sesuai. Setiap pekerja perlu mematuhi segala peraturan yang melibatkan perlindungan data yang berkaitan dalam bidang aktiviti mereka dengan penjagaan yang diperlukan.

Kita memelihara kerahsiaan segala maklumat sulit syarikat, pelanggan Kita, pekerja-pekerja dan rakan-rakan perniagaan yang lain. Kewajipan kerahsiaan ini adalah terpakai terutamanya dalam bidang swasta dan juga dalam rangkaian sosial.

S: Saya tidak pasti samada saya memahami istilah “maklumat peribadi” dengan betul. Bolehkah anda menerangkannya secara terperinci?

J: Maklumat peribadi adalah maklumat peribadi berkenaan seseorang yang dinamakan atau yang mudah dikenalpasti. Ini termasuklah, sebagai contoh, nama, alamat, nombor telefon, alamat emel, tarikh lahir, maklumat bank, gaji, penilaian atau nombor pekerja.



V.

Larangan menyogok dan memberi rasuah

Kita tidak bertolak ansur dengan amalan rasuah dan cuba mengelaknya dengan melakukan segala perkara dengan telus walaupun hanya gambaran amalan rasuah timbul.

Segala tawaran samada langsung atau tidak langsung atau pemberian faedah yang tidak wajar (rasuah) dan juga permintaan atau penerimaan sebarang faedah (rasuah) adalah dilarang sama sekali dalam apa jua bentuk. Kita mengharapkan pekerja Kita untuk tidak menerima atau menawarkan sebarang bentuk rasuah atau faedah-faedah yang tidak wajar, dan tidak terlibat secara langsung atau melalui pihak ketiga dalam urusan atau amalan rasuah.

Larangan ini adalah terpakai dalam perhubungan dengan pihak berkuasa awam, pegawai-pegawai kerajaan atau staf-staf kerajaan (merasuah pegawai-pegawai awam) dan juga dalam urusan perniagaan dengan syarikat atau orang perseorangan (merasuah dalam urusan perniagaan) di rumah atau di luar negeri.

Sesiapa yang melanggar larangan tersebut, bermaksud dia telah melakukan jenayah. Amalan menyogok dan merasuah boleh dihukum dan ianya boleh mengakibatkan kehilangan pekerjaan.

S: Apakah maksud sebenar rasuah?

J: Rasuah adalah sama seperti sogokan dan ianya bermaksud penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan diri sendiri. Sebagai contoh, seorang pekerja syarikat pengurusan sisa pepejal akan menggunakan kuasa beliau untuk membenarkan pemandu mengosongkan kenderaan jika terdapat bayaran tambahan yang tidak berasas.

Sebarang niat yang tidak jujur dan tidak wajar mestilah dielakkan. Oleh yang demikian, sebarang tawaran, perjanjian, faedah, pelawaan dan hadiah tidak harus dilakukan jika mereka dapat memahami ianya sebagai satu percubaan untuk mempengaruhi atau merasuah pegawai atau rakan sekutu perniagaan.


Terdapat pengecualian seperti hadiah biasa yang nilainya tidak begitu mahal (seperti barang-barang promosi atau hadiah percuma) dan undangan ke sesuatu majlis atau undangan makan dan ianya dilakukan dengan cara yang betul.

Sabarang tawaran, sumbangan, undangan atau hadiah tidak boleh diberikan kepada pegawai tanpa kelulusan secara bertulis oleh Pengurus Pematuhan TOI TOI & DIXI Group terlebih dahulu.

Maklumat lanjut boleh didapati dalam “Garis panduan bagi pengendalian hadiah dan hiburan”.

S: Siapakah yang dianggap sebagai seorang pegawai awam?

J: Seorang pegawai awam yang menjalankan tugas pentadbiran awam seperti penjawat awam (pegawai polis, pegawai kastam, pegawai cukai, dan lain-lain), hakim, menteri atau staf pentadbiran.



VI.

Persaingan yang adil

Kita sangat komited untuk persaingan yang adil dan tidak dipengaruhi. Sebagai peneraju dalam industri, kita amat yakin dengan kualiti dan prestasi, dan **kita tidak bertolak ansur dengan sebarang kelakuan yang tidak boleh diterima**, amalan antisaiing, seperti penetapan harga dan perkongsian pasaran dengan pesaing atau pembekal, penyalahgunaan kedudukan dominan atau pertukaran maklumat yang tidak boleh diterima antara pesaing.


Topik bagi undang-undang persaingan adalah sangat kompleks. Pada masa yang sama, pelanggaran terhadap undang-undang persaingan / antitrust boleh membawa kepada pengenaan denda yang tinggi, dan di beberapa negara ianya boleh didakwa atas kesalahan jenayah.

Pihak pengurusan tempatan adalah bertanggungjawab untuk mematuhi segala undang-undang tempatan berkenaan persaingan dan antitrust. Jika terdapat keraguan, sila hubungi Pengurus Pematuhan TOI TOI & DIXI Group dan / atau dapatkan khidmat nasihat pihak lain berkaitan perundangan.

Maklumat lanjut boleh didapati dalam “Arahan berkenaan undang-undang persaingan dan antitrust”.

S: Rakan saya bekerja di syarikat pesaing. Beliau sering menanyakan kepada saya berkenaan harga kita. Bolehkah saya berbincang dengan beliau mengenai perkara ini.

J: Tidak boleh. Pertukaran maklumat berkenaan harga boleh dianggap sebagai percubaan untuk mencapai persetujuan harga dan ianya tidak boleh diterima.



VII.

Kita asingkan kepentingan peribadi dengan kepentingan perniagaan

Kami amat mengharapkan kesetiaan daripada pekerja kami dengan syarikat. Kejayaan perniagaan akan memberi faedah kepada semua pekerja. Walau bagaimanapun, kejayaan sesebuah perniagaan hanya boleh dicapai jika semua pekerja bertindak demi kepentingan syarikat dan tidak memilih kepentingan peribadi berbanding dengan kepentingan syarikat.

Oleh yang demikian, kami menggalakkan pekerja kami untuk mengelakkan situasi yang melibatkan kepentingan peribadi, walaupun ianya kelihatan bertentangan dengan kepentingan TOI TOI & DIXI Group. **Keputusan dalam perniagaan tidak harus melibatkan kepentingan peribadi dan juga**

perhubungan. Hubungan perniagaan hanya boleh dimulakan atau dikekalkan berdasarkan kepada kriteria faktual.

Tidak semua konflik kepentingan merupakan masalah. Kami inginkan keputusan perniagaan dibuat secara objektif dan juga adil. Ia memerlukan ketelusan berhubung dengan kemungkinan konflik kepentingan dan perlu berkomunikasi. Ini juga terpakai kepada konflik kepentingan yang sedia ada. Bagi perkara ini, sila hubungi pengurus langsung anda. Anda juga boleh menghubungi orang hubungan yang lain pada bila-bila masa dan orang hubungan boleh didapati dalam Bab VIII.

S: Bagaimanakah konflik kepentingan boleh wujud?

J: Konflik kepentingan boleh wujud melalui 1. Pekerjaan kedua, 2. Penglibatan dalam pesaing, rakan perniagaan atau syarikat lain, 3. Perniagaan bersama saudara-mara atau pihak lain yang berkaitan, atau (personel) keputusan yang melibatkan mereka.

S: Siapakah yang dimaksudkan saudara mara atau pihak lain yang berkaitan?

J: Contohnya adalah: 1. pasangan (suami/isteri), 2. pasangan hidup (life partner), 3. ibu bapa, ibu bapa mertua, ibu bapa tiri, 4. anak, anak menantu, anak angkat, 5. adik beradik, adik beradik tiri, adik beradik angkat, 6. kawan-kawan, kenalan rapat, 7. pihak lain, yang mempunyai hubungan peribadi atau ekonomi yang rapat.



VIII.

Kita menangani sesuatu perkara secara terbuka

Jika anda merasakan sesuatu dalam persekitaran kerja anda tidak berfungsi dengan betul, anda harus menanganinya secara terbuka. Kesilapan sering berlaku. Jika ianya berlaku, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk menyumbang ke arah penambahbaikan.

Jika anda merasakan sesuatu tindakan atau tingkah laku yang melanggar Kod Etika ini, polisi dalaman, atau undang-undang, maka adalah tanggungjawab anda untuk melaporkannya.

Tiada pekerja yang melakukan kesalahan atas niat yang baik harus takut kepada hukuman, walaupun jika petikan tersebut boleh berubah menjadi tidak berasas. Segala tuduhan palsu yang disengajakan haruslah dielakkan dan ianya mempunyai akibat kepada penulis petikan tersebut.

Maklumat secara rahsia juga boleh dilakukan tanpa nama. Segala maklumat yang diterima akan dirahsiakan dan akan dijaga dengan baik. Segala maklumat yang diberikan akan disusuli dan jika perlu, tidakan sewajarnya akan di ambil. Jika anda mahu, anda juga boleh mendapatkan maklum balas berkenaan perkara tersebut.

Pelanggaran peraturan yang terdapat dalam Kod Etika, polisi dalaman, atau undang-undang, boleh menyebabkan kesan yang amat serius kepada syarikat dan juga pekerjaanya. Anda diminta untuk membantu untuk mencegah atau mendedahkan sebarang pelanggaran.

Terdapat beberapa cara untuk anda menyuarakan sebarang permasalahan anda:

Sila berhubung dengan pegawai-pegawai yang berikut:

- Penyelia atau pengurus jabatan;
- Pegawai dalam jabatan personel;
- Pegawai pematuhan tempatan;
- Pengurus pematuhan TOI TOI & DIXI Group;
- Sistem Kita yang beroperasi secara luaran iaitu Sistem Whistleblower (tukang adu) "Let us know!" , boleh didapati secara dalam talian 24/7 atau melalui telefon:

Laman sesawang dalam talian:

<https://www.bkms-system.net/ttd/let-us-know>

Talian Pematuhan:

Europa +49 2102 9538001


USA +1 404 8239020

Asian +852 800931713

Jika anda menggunakan kaedah melalui dalam talian atau menelefon talian pematuhan, anda mempunyai pilihan untuk melaporkan pengaduan anda tanpa nama jika anda mahu.

S: Saya masih merasakan kebimbangan terhadap diri sendiri. Bagaimanakah saya melaporkan pengaduan saya secara tanpa nama?

J: Anda boleh, sebagai contoh, membuat satu alamat emel fantasi yang lain dan hantar aduan tersebut kepada compliance@toitoidixi.com. Anda juga boleh menggunakan sistem kita yang beroperasi secara luaran iaitu Sistem Whistleblower (tukang adu) "Let us know!" melalui telefon ataupun dalam talian. Dalam kes ini, kerahsiaan anda adalah dijamin, jika itu yang anda inginkan.



IX.

Orang hubungan

Sekiranya anda mempunyai persoalan berkaitan Kod Etika, keperluan undang-undang, atau sebarang isu, sila hubungi Pegawai Pematuhan tempatan anda atau Pengurus Pematuhan TOI TOI & DIXI Group

Katja Schützeberg

Emel: katja.schuetzeberg@toitoidixi.com

atau compliance@toitoidixi.com

Telefon: +49 2102 852 128

S: Apakah yang perlu saya lakukan jika persoalan / aduan saya tiada dalam Kod Etika?

J: Sememangnya Kod Etika tidak dapat untuk meliputi semua isu atau situasi yang sering berlaku dalam perniagaan harian. Jika anda mempunyai sebarang persoalan, sila hubungi penyelia anda, pegawai pematuhan tempatan anda atau Pengurus Pematuhan TOI TOI & DIXI Group.

